

11 JAN 2003

NAM-Sekretariat/I

BAHAGIAN NAM WISMA PUTRA, SATU PERCUBAAN BAGI PENUBUHAN SEKRETARIAT

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Rancangan penubuhan sebuah bahagian baru di Wisma Putra yang akan mengendalikan secara eksklusif perkara-perkara mengenai Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) akan dijadikan tempat percubaan sama ada pengwujudan sebuah sekretariat bagi pergerakan itu boleh dilaksanakan, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Malaysia, tuan rumah sidang kemuncak NAM bulan depan, mengiktiraf kepentingan sebuah sekretariat tetap bagi pergerakan itu kerana selama ini kegiatan NAM diselaraskan dari New York di kalangan duta dan wakil tetap negara-negara anggota NAM ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Ini membawa kepada "mereka yang di luar lingkungan New York" tidak sedar yang pergerakan itu "masih hidup dan telah melakukan banyak perkara" dalam suasana senyap diplomasi, katanya.

Bahagian baru itu akan diketuai Wakil Tetap Malaysia ke PBB yang akan bersara Tan Sri Hasmy Agam.

Kuala Lumpur akan menggunakan bahagian itu bagi mengukur kesediaan anggota NAM untuk menyumbang ke arah membentuk sebuah tempat rujukan tetap yang mengatur dan menyelaras kegiatan kumpulan itu, katanya.

"Saya berpendapat kita boleh anggap ia sebagai percubaan tetapi saya tidak tahu sama ada akhirnya ia akan berkembang menjadi sebuah sekretariat tetap atau tidak," katanya kepada Bernama dalam satu temuramah di sini.

Syed Hamid berkata untuk mempunyai sebuah sekretariat tetap, anggota NAM yang kebanyakannya menghadapi masalah ekonomi, perlu membuat sumbangan kewangan.

Bagaimanapun beliau menarik perhatian bahawa satu mesyuarat negara anggota utama kumpulan itu di Cape Town, Afrika Selatan tahun lepas telah membuat kesimpulan mengeluarkan sumbangan inilah satu perkara yang negara-negara berkenaan tidak mampu untuk lakukan.

NAM ditubuhkan pada kemuncak Perang Dingin oleh negara-negara yang mahu bebas daripada pengaruh blok Barat yang dipimpin Amerika Syarikat dan blok Timur yang ketika itu dikawal oleh Soviet Union.

Kumpulan itu mengadakan sidang kemuncaknya yang pertama di Belgrade pada 1961. Malaysia menjadi anggota NAM pada 1969.

Syed Hamid berkata Kuala Lumpur, yang akan memegang kerusi NAM bagi tempoh tiga tahun, akan menyuntik semangat ke dalam kumpulan itu supaya dunia menyedari bahawa NAM masih relevan dalam dunia unipolar hari ini.

Objektif teras NAM masih wujud termasuk memastikan kesejahteraan ekonomi, kepelbagaian hala, keselamatan, kesucian piagam PBB dan dasar tidak campurtangan.

Kuala Lumpur, katanya, akan memberikan NAM "satu tolakan...atau boleh dikatakan sentakan untuk menyatakan hey, kita masih bagus, kita masih boleh lagi menjadi penting."

Sepatutnya, kata Syed Hamid, NAM adalah satu kumpulan yang harus disegani memandangkan 114 anggotanya mewakili dua pertiga daripada 191 anggota PBB.

NAM perlu dicergaskan semula untuk melindungi kepentingan negara-negara membangun dan disebabkan ia boleh memainkan peranan amat penting dalam sistem pelbagai hala antarabangsa kini, katanya.

Sidang Kemuncak KL, bertemakan "Meneruskan Pencergasan Semula NAM" akan memperkatakan mengenai perkara keganasan, campurtangan dan tindakan sendirian, penerusan pendudukan tentera di Palestin dan pendemokrasian

institusi antarabangsa.

Persidangan itu juga dijangka membincangkan mengenai tindakan dua nilai atau double standard Amerika Syarikat dalam melancarkan perang terhadap negara-negara yang dituduhnya sebagai paksi segala kejahatan seperti Iraq dan Korea Utara.

Sambil mempersoalkan sikap double standard Amerika itu, beliau berkata: "Adakalanya kita melihat satu proses pelbagai hala digunakan sedangkan hasratnya ialah bagi satu proses sendirian. Jadi kewajaran bagi satu tindakan sendirian dilakukan dengan bertopengkan proses pelbagai negara atau satu sistem pelbagai hala."

Beliau berkata berdasarkan senario yang lebih mencabar dihadapi negara anggota NAM kini, pertubuhan itu akan terus menjadi relevan dan perlu memastikan suaranya didengar oleh masyarakat antarabangsa.

Sebagai sebuah badan Selatan-Selatan, Syed Hamid berkata NAM perlu mencerminkan diri untuk menjadikan kumpulan itu bukan hanya menurut sahaja apa yang berlaku di dunia tetapi sebagai sebuah perkumpulan yang layak untuk berada dalam "arus perdana dunia tanpa sempadan dan dalam konteks pembangunan mapan serta dalam pusingan perundingan perdagangan pelbagai hala Doha."

"Saya fikir Dr Mahathir, dalam ucapannya (semasa Sidang Kemuncak KL) akan menegaskan perkara itu negara amat jelas. Jika kita bersatu dalam kelainan kita dan jika kita padu dalam pendapat kita, maka kita boleh diiktiraf sebagai satu kumpulan."

Tetapi ini memerlukan anggota-anggota NAM tidak harus lesu tetapi bersemangat untuk merencana nasib kita sendiri, katanya.

-- BERNAMA
MAD AZZ RON